



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 JUN 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- PBT perlu pantau 'bazar mercun'

08



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 JUN 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PBT perlu pantau 'bazar mercun'
Muka Surat	08

Ms.8 Isnin, 19 Jun 2017 BH

→ ISU

SUSULAN BH BONGKAR MERCUN, BUNGA API DIJUAL SECARA TERBUKA

PBT perlu pantau 'bazar mercun'

→ Tugas banteras kerjasama semua pihak, perketat penguatkuasaan

Oleh Haryani Ngah dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur



"Bila bercakap soal mercun, orang nampak polis sahaja (untuk banteras penjualan), sedangkan banyak agensi penguatkuasaan lain yang boleh mainkan peranan," kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh.

Beliau berkata, selain agensi penguatkuasaan yang mempunyai kuasa untuk bertindak sedemikian, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu memainkan peranan dengan mengadakan pemantauan di bazar Ramadan.

"Pada peringkat Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), usaha membanteras penjualan mercun secara terbuka ini dilaksanakan oleh kontinjen negeri dan ibu pejabat polis daerah.

"Dari segi penguatkuasaan polis, ketua polis negeri dan ketua

Bila bercakap soal mercun, orang nampak polis sahaja (untuk banteras penjualan), sedangkan banyak agensi penguatkuasaan lain boleh mainkan peranan"

Mohamad Salleh,
Pengarah JSJ Bukit Aman

polis daerah yang perlu memainkan peranan. Mereka juga boleh arahkan pemeriksaan dilakukan di bazar Ramadan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Justeru, Mohamad berkata, polis pada peringkat kontinjen dan daerah perlu memainkan fungsi dengan sebaiknya dalam membanteras kegiatan mercun secara terbuka kerana masih ada penjual yang tidak gentar dengan undang-undang.

Penguatkuasaan lemah
Sementara itu, penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abd Rahim, berkata penguatkuasaan lemah menyebabkan peniaga berani menjual mercun dan bunga api tanpa mepedulikan mudarat ke atas masyarakat.

Katanya, jika undang-undang sedia ada dikuatkuasakan ke atas individu yang memiliki mercun dan bunga api, pastinya peniaga tidak berani menjual barangan terlarang itu.

"Kenapa penjualan mercun dan bunga api ini yang menjadi larangan boleh dilakukan secara terbuka. Di manakah perginya penguatkuasaan?"

"Tindakan drastik perlu dilakukan dan diharapkan penguat kuasa dapat buka mata dan mantapkan penguatkuasaan.

"Kalau nak kuatkuasakan undang-undang, inilah masa yang sesuai. Jangan hanya duduk diam dan bila sudah berlaku baru hendak ambil tindakan," katanya ketika dihubungi.

Lapor kepada pihak berkuasa
Ketua Aktivistis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan, pula meminta pengguna bertindak bijak dengan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terlihat ada peniaga yang menjual mercun dan bunga api secara terbuka.

"Penjualan mercun dan bunga api secara terbuka tidak seharusnya berlaku dan agensi penguatkuasaan perlu melaksanakan undang-undang sekiranya didapati ia dijual secara bebas," katanya.